

TR 1:12:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGENAI
KEPALA S.17 DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN
TAHUN 1966 DI DEWAN RAKYAT PADA 2 DISEM-
BER, 1965

Tuan Pengerusi,

Saya pohon mencadangkan supaya kepala bekalan atau supply Head S17 yang menunjukkan peruntukan wang sebanyak \$237,674,453 bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1966 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Peruntukan sebanyak yang tersebut itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu \$102,360,139 bagi gaji-gaji, sama ada gaji Pegawai-Pegawai Tentera, Ahli-ahli tentera; dan \$124,153,381 bagi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tiap-tiap Tahun dan \$11,160,503 bagi Perbelanjaan Khas atau Special Expenditure.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita mestilah mempunyai pertahanan yang kuat dan serba lengkap untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan kita. Oleh hal yang demikian Angkatan Bersenjata kita hendaklah diperbesarkan dan diperluaskan dengan barang-barang baharu untuk menentang sebarang apa ancaman, sama ada dari dalam atau pun dari luar negeri. Kita tidak dapat membesarkan Angkatan Bersenjata kita dengan serta-merta. Perkara ini terpaksa dijalankan dengan beransur-ansur. Sungguhpun begitu, rancangan pembesaran ini mustahaklah disemak dan dikaji, dari satu masa ke satu masa, mengikut keadaan yang berlaku di dalam dan di sekeliling negara kita ini. Sekiranya keadaan itu memaksakan kita mencepatkan pembesaran angkatan tentera kita, maka terpaksa kita, berbuat demikian supaya kemerdekaan dan kedaulatan negara kita itu sentiasa dijaga.

Kita telah mula membesarkan Angkatan Bersenjata semenjak tercapai kemerdekaan. Pada masa itu pembesaran yang dijalankan dengan beransur-ansur akan tetapi apabila berlakunya konfrantasi daripada Indonesia, pembesaran telah dipercepatkan sedikit sehingga pada masa ini dan kita akan terus membesarkan lagi tentera kita dari satu masa ke satu masa sehingga kita sampai kepada tingkatan difikirkan berpatutan bagi negara kita ini. Tentera darat ada mempunyai tambahan anggota yang banyak sekali pada tahun hadapan, pasukan-pasukan baharu iaitu Infantry Batalion atau Pasukan Berjalan Kaki akan ditubuhkan supaya menambah lagi kekuatan yang sedia. Begitu juga satu Pasukan Jurutera dan satu Regimen Semboyan — Signal Regiment — akan ditubuhkan.

Selain daripada itu, terdapat juga pasukan-pasukan kecil yang akan ditubuhkan seperti Pasukan Workshop, Supply Road Transport, Life Aid Test. Selain daripada penubuhan pasukan baharu terdapat jugalah tambahan anggota kepada pasukan-pasukan yang telah lama ditubuhkan. Umpamanya, Pasukan Semboyan Workshop, Perubatan, Peninjau dan lain-lainnya akan bertambah bilangannya. Dua batalion Malaysian Rangers telah pun menjadi sebahagian daripada anggota Tentera Malaysia. Kedua-dua batalion itu yang mengandungi anak-anak negeri dari Sabah dan Sarawak, telah ditubuhkan dan telah mendapat bantuan latihan daripada Kerajaan British. Dan pada masa ini kedua-dua batalion ini telah dipindahkan kepada Angkatan Bersenjata Malaysia. Pada tahun hadapan, kita terpaksa mengadakan peruntukan wang bagi kedua-dua batalion ini. Dalam tahun 1966 juga, jumlah kapal yang pada Angkatan Tentera Laut akan ditambah lagi. Ini bermaknalah bahawa lebih banyak lagi kakitangan-kakitangan yang dikehendaki supaya kapal-kapal itu dapat digunakan. Begitu jugalah pasukan baharu akan ditubuhkan. Demikian jugalah pasukan yang telah sedia ditubuhkan terpaksa ditambah anggota-anggotanya dan ini kita terpaksa menambah juga perbelanjaan. Begitulah berkenaan dengan Tentera Udara — kapal terbang yang ada pada masa ini, bilangannya akan ditambah lagi supaya dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih sempurna. Umpamanya, Squadron Helicopter Alouet akan ditambah banyak lagi dan ditambah lagi bilangan squadron.

Tuan Pengerusi, begitu jugalah Askar Wataniah dijadikan Pasukan Pertahanan Tempatan yang akan ditambah juga lagi — akan diperbesar dan diperluas lagi. Pada tahun hadapan, Pasukan Pertahanan Tempatan yang telah kita tubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu ini, akan ditubuhkan pula di Sabah dan Sarawak. Selain daripada menjaga keselamatan tempat di mana adanya ditubuhkan Pasukan Pertahanan Tempatan itu, pasukan ini ialah digunakan untuk menjaga sasaran penting atau key point di negeri-negeri kita ini, bagi mencegah pengkhianat-pengkhianat dari memusnah dan juga membinasakan tempat-tempat itu. Pada masa sekarang di Sabah dan di Sarawak tidak ada Pasukan Pertahanan Tempatan. Oleh itu terpaksa pekerjaan-pekerjaan di Sabah dan di Sarawak itu dijalankan oleh Pasukan Pertahanan Tempatan yang dihantar dari Malaya ini. Apabila Pasukan Pertahanan Tempatan ditubuhkan pada tahun hadapan di Sabah dan di Sarawak pasukan dari Persekutuan ini akan ditarik balik supaya kita dapat memberi peluang kepada anak-anak negeri Sabah dan Sarawak menjaga keselamatan negeri-negeri mereka itu sendiri.

Sekarang Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberi penerangan sedikit berkenaan dengan peruntukan wang yang terdapat di bawah Kepala S.17 ini. Jadi, seperti yang saya terangkan tadi, kebanyakan

tambahan-tambahan ini adalah terdapat di bawah gaji-gaji, sebab kita terpaksa membesarkan semua anggota-anggota bersenjata kita. Pada amnya, anggaran ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian – A,B,C, D dan E. Bahagian A ialah untuk jawatan awam dan juga tentera yang diwujudkan sebelum terbentuknya Malaysia. B ialah jawatan-jawatan diadakan semenjak Malaysia ditubuhkan. Bahagian B ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu jawatan-jawatan bagi Malaysia dan jawatan-jawatan bagi Singapura. Di Singapura, kita ada mempunyai satu Brigade di sana. Bahagian C ialah untuk jawatan Khidmat Negara yang mempunyai tambahan anggota sebanyak 1,360 orang. Peruntukan wang adalah bertambah lebih kurang \$1,216,200. Jadi penambahan ini ialah amat perlu, kerana kita bercadang hendak menambah lagi bilangan pelatih-pelatih yang dapat menerima latihan secara bersenjata. Pusat-pusat latihan yang ada sekarang ini akan diperbesarkan lagi dan kita bercadang hendak tambah lagi dua pusat latihan – satu di Pulau Pinang dan satu di Johor Bahru. Pada masa ini – sehingga hari ini, sebanyak 4,175 orang rakyat Malaysia telah diberi latihan tentera, dan 10,802 orang latihan Pertahanan Awam. Bahagian D diuntukkan bagi jawatan-jawatan dalam Tentera Tempatan dan juga Pasukan Pertahanan Tempatan. Sekarang ini kita ada mempunyai sebanyak 1,377 platon di serata tempat di Malaya ini dan Pasukan Pertahanan. Tempat ini telah pun dibuka kepada kaum wanita. Pada tahun hadapan, Pasukan Pertahanan Wanita ini akan ditambah lagi supaya lebih banyak lagi kaum wanita kita yang dapat menunjukkan kehandalan dan juga keperwiraan mereka itu bersama-sama dengan kaum laki-laki dalam mempertahankan negara kita.

Bahagian E adalah untuk jawatan-jawatan sukarela yang telah dipanggil bertugas, samada menjaga “key point” atau pun membantu askar biasa. Askar yang berkenaan ialah Askar Wataniah dan juga Local Defence Corps, Askar Simpanan Tentera Udara. Pada masa mereka itu berlatih, mereka itu hanyalah diberi bayaran elaun mengikut masa latihan yang dijalankan, tetapi apabila mereka itu dipanggil untuk berkhidmat “full-time” maka mustahaklah dibayar gaji dan juga layanan-layanan yang lain diberi seperti askar biasa.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu adalah bahagian lain-lain Perbelanjaan Berulang Tiap-tiap Tahun atau O.C.A.R.. Di sini terpaksa kita tambah peruntukannya kerana, seperti saya kata, kita terpaksa membesar tentera-tentera kita di semua pasukan, dan peruntukan adalah dikehendaki bagi membeli barang-barang alat-alat senjata dan juga bagi mengganti dan membesarkan berek-berek tempat kediaman tentera-tentera kita di serata tempat di Malaysia ini. Saya fikir tidak payahlah saya terangkan satu persatu pecahan-kepala di bawah ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, adalah Perbelanjaan Khas atau 'Special Expenditure' yang berkehendakkan tambahan lebih kurang \$5,050,122 daripada angka yang telah dipersetujukan bagi tahun 1965. Jadi di bawah bahagian ini, kita adalah berkehendakkan perbelanjaan-perbelanjaan untuk menambahkan berbagai-bagai perkara-perkara, umpama pakaian, barang-barang sektor arm bersama, ataupun barang-barang sektor teknik bersama dan juga bagi Tentera Udara berkehendakkan barang-barang untuk digunakan bagi menjalankan latihan seperti radio dan lain-lainnya. Begitu jugalah kita berkehendakkan peruntukan di bawah Pecahan Kepala 57 bagi mengadakan tempat kediaman sementara untuk tentera kita di Sabah dan Sarawak. Jadi tentera-tentera kita yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak itu sentiasa ditukar, dari satu masa ke satu masa, jadi mustahaklah diadakan tempat kediaman di situ.

Tuan Pengerusi, inilah sahaja keterangan-keterangan yang saya suka hendak berikan terhadap peruntukan perbelanjaan bagi tahun 1966. Seperti saya kata tadi, angkatan senjata kita telah menunjukkan semangat dan keperwiraan dan taat setia yang sangat gilang gemilang dalam menjalankan tugas mereka untuk menentang musuh di negara kita ini. Di Sabah dan Sarawak pihak musuh kerap kali membuat pencerobohan masuk ke dalam negara kita. Tetapi Angkatan Senjata Malaysia telah dapat berjaya, samada memburu ataupun menentang ataupun menawan mereka itu. Dalam mempertahankan negara kita, tidak dapat tidak ada daripada ahli-ahli tentera kita yang terkorban dan saya suka menyebutkan di sini bahawa jasa dan pengorbanan mereka itu adalah sentiasa diingat oleh rakyat negara kita ini, Begitu juga kepada askar Komanwel, Australia, New Zealand dan Great Britain yang memberi pertolongan bagi mempertahankan tanahair kita ini, saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan peruntukan ini.